

# KENAPA SAYA SUKA MENGEMBARA BERSAMA ANAK-ANAK WALAUPUN MEREKA MASIH KECIL?

**Ida Haryanti Mohd Noor**

Setiap orang mempunyai hobinya yang tersendiri. Hobi yang dipilih juga mempunyai keunikan masing-masing. Saya juga mempunyai pelbagai hobi dan antara hobi yang paling saya minati ialah melancong. Aktiviti melancong ini melibatkan pengembaraan di pelbagai tempat menarik sama ada di dalam negara mahupun di luar negara.



Pengembaraan ke tempat-tempat menarik ini bukan sahaja melibatkan saya dan suami, malahan ianya turut disertai oleh anak-anak dan kadang-kadang ahli keluarga yang lain. Walaupun terdapat segelintir pihak yang mempertikaikan penglibatan anak-anak terutamanya yang masih kecil dalam aktiviti melancong dengan pelbagai alasan yang tersendiri, namun ianya tidak pernah mematahkan semangat kami untuk membawa anak-anak bersama semasa melancong.

Tidak dinafikan, perasaan gementar dan takut pasti menjelma apabila memikirkan semula perancangan kami untuk membawa anak-anak melancong. Namun, melihat pada kebaikan dan faedah yang bakal diperolehi oleh anak-anak hasil daripada aktiviti melancong, perasaan teruja dan tidak sabar mula berkocak di benak fikiran. Hakikatnya, membawa anak-anak semasa melancong bukanlah suatu mimpi ngeri, cuma, perancangan yang rapi dan teratur perlu dilakukan bagi memastikan sebarang masalah yang mungkin akan berlaku dapat diminimumkan.



Jadi, bagi mereka yang mempunyai keinginan atau merancang untuk membawa anak-anak melancong, teruskan niat anda. Realisasikan ia! Ini kerana melancong bersama anak-anak mempunyai pelbagai kebaikan yang akan memberi faedah kepada anak-anak tersebut:

1) Mengeratkan hubungan silaturahim sesama keluarga.

Sebagai pasangan suami isteri yang bekerja, selalunya hanya hari minggu sahaja yang dapat digunakan sepenuhnya untuk meluangkan masa bersama anak-anak di rumah. Namun begitu, ada juga hari minggu yang terpaksa digunakan untuk urusan kerja yang memerlukan keputusan segera. Oleh sebab itu, saya dan suami memilih untuk mengambil cuti dan melakukan aktiviti melancong yakni 'keluar dari rumah' dan pergi mengembara bersama anak-anak. Dengan itu, saya tidak perlu lagi berfikir mengenai urusan kerja buat sementara waktu dan seterusnya dapat memfokuskan diri untuk meluangkan lebih banyak masa berkualiti bersama anak-anak. Bukan sahaja dapat melakukan pelbagai aktiviti bersama-sama, malahan, pada waktu inilah anak-anak dapat berkongsi pelbagai kisah sama ada suka, sedih, seram dan sebagainya dan kita sebagai ibu bapa pula dapat mendengar kisah mereka dengan lebih empati. Seperti petikan berbahasa Inggeris yang biasa kita dengar dan baca iaitu '*sharing is caring*'. Apabila kita lebih menghayati perasaan anak-anak, maka kita lebih mengenali sifat dalam diri mereka dan seterusnya hubungan kekeluargaan akan menjadi lebih erat.

2) Mempelajari sesuatu yang baru.

Anak-anak banyak mempelajari mengenai budaya sesebuah negeri atau negara melalui pembelajaran di sekolah dan juga melalui rancangan yang di tonton di televisyen. Aktiviti melancong ini membantu mereka mengadaptasi apa yang dipelajari atau di tonton melalui pembelajaran di dunia nyata. Antara perkara-perkara yang mereka pelajari ialah mengenai bahasa atau dialek yang digunakan, makanan warisan, pakaian tradisi dan juga agama yang dianuti di sesebuah tempat. Bukan itu sahaja, mereka juga dapat melihat sendiri haiwan-haiwan yang ada di sesebuah tempat yang mana ianya tidak ada di tempat sendiri dan juga mengenali tamadun yang pernah wujud sebelum terbentuknya sesebuah tempat tersebut. Pengalaman mempelajari pelbagai perkara baru di sesebuah tempat akan mendidik anak-anak untuk lebih menghargai nilai sebuah kehidupan.





3) Membentuk insan yang bertanggungjawab.

Apabila kita mengembara ke tempat baru, antara perkara utama yang dititikberatkan ialah mengenai pengurusan masa. Pada waktu ini, anak-anak perlu bangun awal, buat persiapan diri, mengemas barang dan sebagainya mengikut waktu yang telah ditetapkan seperti dalam perancangan. Tambahan pula apabila pengembaraan tersebut melibatkan pelbagai tempat dan pertukaran banyak kenderaan awam seperti bas dan kereta api. Di sinilah, anak-anak akan belajar cara-cara untuk mendisiplinkan diri. Selain itu, anak-anak sentiasa diajar supaya menjaga diri, mengamalkan sikap toleransi dan juga menghargai serta menghormati masyarakat tempatan di sepanjang aktiviti pengembaraan. Didikan yang diperolehi semasa aktiviti melancong ini meningkatkan jati diri anak-anak dan seterusnya membentuk mereka menjadi insan yang bertanggungjawab.



4) Mencipta memori bahagia zaman kanak-kanak.

Bercuti bersama keluarga merupakan antara aktiviti yang sangat disukai dan dinanti-nantikan oleh anak-anak. Inilah antara waktu-waktu yang akan digunakan oleh mereka untuk menikmati zaman kanak-kanak mereka dengan penuh keseronokan. Apabila saya bertanya pada anak mengenai apakah memori terindahinya? Pasti jawapannya adalah memori apabila pergi bercuti bersama keluarga. Sampai suatu masa nanti, anak-anak pasti akan meninggalkan kita sama ada untuk ke asrama, bekerja, berkahwin dan seterusnya mempunyai kehidupan mereka sendiri. Maka, luangkanlah seberapa banyak masa yang mungkin untuk membawa anak-anak melancong mengikut kemampuan masing-masing. Jika bukan sekarang, bila lagi?



Sebenarnya, terdapat banyak lagi faedah yang boleh diperolehi anak-anak hasil daripada aktiviti melancong. InsyaAllah, saya akan nukilkan lagi di kesempatan yang akan datang. Semoga pengalaman saya ini dapat memberi inspirasi buat ibu bapa lain yang mempunyai perancangan untuk membawa anak-anak melancong. Jangan risau kerana ianya bukanlah terlalu menyusahkan, malahan, pengalaman melancong bersama anak-anak tentunya akan menjadi kenangan sepanjang hayat.

Nukilan: Harapan Yang Tinggi (29 Ramadhan 1442)